

28 JAN 2001

Iraq-Sekatan

BEKAS PEGAWAI PBB RAYU SEKATAN TERHADAP IRAQ DITARIK BALIK

Oleh: Kuzaimah Idris

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Bekas Penyelaras Kemanusiaan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke Iraq merayu kepada masyarakat antarabangsa supaya menarik balik sekatan terhadap negara itu yang dilanda kesengsaraan, dengan berkata sekatan itu gagal mencapai matlamatnya dan ia membawa padah ke sasaran yang salah.

Hans Von Sponeck berkata, atas sebab peri kemanusiaan masyarakat antarabangsa tidak dapat menunggu walaupun sehari lagi dalam menyelesaikan isu itu kerana sekatan hanya membawa kesengsaraan teruk kepada populasi awam Iraq.

"Sekatan ekonomi yang dikaitkan dengan pelucutan senjata merupakan dasar yang menghukum sasaran yang salah. Kita sejak 10 tahun lepas telah menyaksikan lebih banyak lagi bukti yang mangsa sebenar sekatan itu khasnya ialah kanak-kanak di Iraq, kata beliau kepada BERNAMA dalam satu temubual di sini.

Von Sponeck berada di sini awal minggu ini atas jemputan penaung Persatuan Wanita Se Pasifik dan Asia Tenggara di Malaysia, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali. Beliau menyampaikan ceramah pada Isnin dalam forum umum yang dianjurkan oleh persatuan itu mengenai kesan sekatan PBB terhadap wanita dan kanak-kanak Iraq.

Von Sponeck, seorang warga Jerman bertanggungjawab bagi program minyak-bagi-makanan PBB yang diperkenalkan pada 1996 untuk membenarkan Iraq mengurus niaga minyak bagi mendapatkan keperluan asas, meminta dilepaskan daripada tanggungjawab itu kerana menurutnya program itu gagal memenuhi keperluan kemanusiaan penduduk Iraq seramai 22 juta orang.

Sejak melepaskan jawatan itu, Von Sponeck yang mempunyai 30 tahun pengalaman dalam Program Pembangunan PBB telah melawat 15 negara dan menyampaikan mesej membantah sekatan ekonomi itu.

Pegawai sebelum Von Sponeck, iaitu Dennis Halliday, juga meninggalkan jawatan itu pada pertengahan 1998 selepas menyuarakan bantahan lebih kurang sama terhadap sekatan yang dikenakan terhadap Iraq berkuatkuasa 2 Ogos 1990 selepas mencerooboh negara jiran Kuwait.

Ditanya sama ada rakan-rakannya daripada agensi-agensi PBB yang lain bersetuju dengan pandangannya berhubung sekatan itu, beliau berkata: "Secara emosi mereka berpendapat sama tetapi atas alasan tertentu dan pertimbangan lain, mereka tidak bersedia mengambil pendirian agresif yang sama seperti yang saya ambil".

Sekatan PBB menghalang eksport produk petroleum dari Iraq, serta penjualan dan pembekalan semua produk ke negara itu, termasuk senjata dan peralatan ketenteraan lain serta pemindahan wang ke Iraq.

Von Sponeck berkata kadar kematian di kalangan kanak-kanak Iraq telah meningkat lebih dua kali ganda sejak sekatan itu dikenakan dengan 50,000 kematian dilaporkan setahun dan 142 kanak-kanak mati setiap hari.

"Penyakit-penyakit seperti taun, kepialu, pneumonia dan pemakanan tidak seimbang merupakan pembunuh utama kanak-kanak di bawah usia lima tahun, ini realiti dan dengan mengetahui ini anda meneruskan dasar yang sama, bermakna anda bersalah dan dituduh bertanggungjawab bagi punca-punca yang membawa kepada penyakit dan kematian," katanya.

Pengangguran telah mencapai antara 60 dan 75 peratus sebahagian besarnya kerana hampir kesemua kilang telah ditutup.

"Saya bukan pembela kerajaan Iraq tetapi adalah jelas dan ditunjukkan dalam laporan-laporan dengan saya sendiri telah melihatnya di Iraq semasa

berada di situ selama 17 bulan dengan perkara-perkara yang dilupakan di Iraq telah menjadi hal hidup mati bagi masyarakat di situ," katanya.

Von Sponeck yang mula memegang jawatan itu pada September 1998 dan tinggal di Baghdad semasa Iraq dibom oleh Amerika Syarikat dan Britain pada Disember tahun itu, juga bercakap mengenai peranan antarabangsa Malaysia dalam membantu menamatkan sekatan itu.

"Saya mesti berkata semasa berkhidmat di Baghdad, peranan konstruktif Malaysia dalam cuba meningkatkan kesedaran akan realiti di Iraq kepada masyarakat antarabangsa sangat menarik," kata beliau.

"Saya dan rakan-rakan di Baghdad sentiasa menyanjungi Malaysia kerana pendirian beraninya dan Malaysia satu-satunya anggota bukan tetap Majlis Keselamatan PBB yang berani dan lantang. Harapan saya kini ialah, walaupun Malaysia tidak lagi berada dalam Majlis Keselamatan, suara Malaysia akan terus kedengaran dalam usaha menamatkan satu dasar yang pincang," kata beliau lagi.

"Dasar itu perlu diubah atas dua sebab, pertamanya masyarakat yang sengsara dan keduanya dalam jangka panjang undang-undang antarabangsa dicabuli. Ini dua sebab yang memberi motivasi kepada saya untuk mengembara, untuk memberikan masa dan harapan saya yang kerajaan-kerajaan dan masyarakat akan semakin sedar mengenai hal ini".

Beliau berkata, tanpa mandat Majlis Keselamatan PBB dan tanpa apa-apa asas perundangan, kesedaran yang diwujudkan seperti menerusi usaha-saua saya mewujudkan suasana yang mana kerajaan British kini sanggup memikirkan semula pendekatannya.

"Saya juga berharap pentadbiran baru Amerika akan meneliti dengan lebih cermat sebelum ia memperketatkan kedudukannya mengenai Iraq. Ia harus mendapat taklimat daripada semua pihak supaya dapat memahami semua gambaran lengkap mengenai Iraq yang begitu rumit," katanya.

Ditanya sama ada Iraq memenuhi kewajipannya terhadap PBB untuk membolehkan PBB menarik balik sekatan, Von Sponeck berkata: "Iraq telah mematuhi dalam banyak cara, masalahnya ialah dengan resolusi yang teksnya tidak jelas dan oleh itu tertakluk kepada pelbagai tafsiran".

"Ini paling malang...sepatutnya ada bahasa yang lebih bersih, tegas dan telus untuk memutuskan dengan jelas sama ada Iraq telah mematuhi kewajipannya atau tidak."

Von Sponeck meminta dialog di kalangan semua pihak untuk mencari jalan keluar daripada "realiti manusia yang malang" di Iraq.

Mengenai program minyak-bagi-makanan, beliau berkata walaupun program itu penting bagi kelangsungan hidup populasi awam Iraq, ia masih tidak memadai dan tidak dapat memenuhi keperluan populasi Iraq.

"Rakyat Iraq mendapat bekalan kemanusiaan bernilai AS\$100 seorang setiap tahun daripada program itu, itulah sahajalah yang dimiliki oleh Iraq. Saya jangka itu sahaja sudah cukup untuk anggota-anggota Majlis Keselamatan memikirkan semula sama ada ia pendekatan masyarakat antarabangsa yang wajar diusahakan dalam menyelesaikan kemelut itu," katanya.

"Saya memberitahu Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jika ada satu lagi lawatan Malaysia ke Iraq, dapatkan sebilangan penuntut Malaysia untuk bertemu dengan rakyat Iraq, bukan di peringkat politik tetapi di peringkat kemanusiaan untuk menyedarkan yang lain bagaimana rasanya untuk hidup dalam keadaan seperti itu".

Ditanya sama ada rakyat Iraq menganggap beliau sebagai penyelamat, beliau berkata: "Saya tidak mahu menjadi fanatik. Saya mahu dilihat sebagai orang suruhan antarabangsa yang mahu meningkatkan kesedaran akan implikasi dasar yang salah, impak dasar yang salah dan implikasinya jika diteruskan."

"Jikapun ini bermakna orang Amerika akan berkata lelaki ini adalah orang suruhan kerajaan Baghdad, orang bodoh yang dipergunakan oleh Iraq,

itu sesuatu tanggapan yang tidak benar, kerana saya bukan begitu".

Adakah nyawa beliau terancam kerana berkempen menentang sekatan PBB?

Dengan senyuman beliau menjawab: "Ya, tetapi saya tak kisah, saya tak takut. Saya model peranan yang berkuasa, ayah saya dihukum mati kerana menentang Hitler, saya belajar daripadanya".

Jeneral Hans Von Sponeck (sama nama dengan anaknya) dipenjarakan pada 1942 kerana tidak ikut perintah Hitler dan menarik balik 120,000 anggota tentera dari Russia. Beliau kemudian terbabit dalam komplot untuk membunuh Hitler pada 1944 menyebabkan beliau dihukum mati.

Von Sponeck berkata, beliau hanya berusia lima tahun apabila ayahnya ditembak mati.

"Saya masih ingat dan ibu saya sentiasa mengingatkan saya yang kejujuran bertahan lebih lama, ia menjadi simbol," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

ZAI AU AU PR